

M. P.U. 9/90
KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE 1989

Kaedah 6. Tidak layak menjadi Peguam Syarie.

Tiada seorang pun adalah layak diterima masuk dan didaftarkan sebagai Peguam Syarie, jika ia-

(a) telah disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah di Malaysia atau di mana-mana tempat lain yang melibatkan keburukan akhlak yang mana menjadikannya tidak layak menjadi Peguam Syarie; atau

(b) telah melakukan suatu penghinaan terhadap mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, 1985 [*Enakmen 6/85*]; atau

(c) telah secara langsung atau tidak langsung mengemukakan keterangan palsu dalam mana-mana Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, 1985 [*Enakmen 6/85*]; atau

(d) seorang bankrap yang belum dilepaskan.
